



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN SIJIL KECEKAPAN BAHASA MELAYU BAGI WARGANEGARA ASING (SKBMW)

1. Dimaklumkan bahawa pada **1 Julai 2015**, YB Menteri Pendidikan Malaysia telah **meluluskan** pelaksanaan SKBMW mulai bulan September 2015.
2. Pelajar yang telah berada **di tahun dua** dan ke atas pengajian di Universiti Awam **merupakan** kohort pertama yang ditawarkan menduduki peperiksaan ini pada bulan September 2015. Kalendar Peperiksaan SKBMW bagi sesi September 2015 dan Jadual Waktu Peperiksaan SKBMW bagi sesi September 2015 akan dimuat naik pada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
3. Peperiksaan ini terbuka kepada semua calon warganegara asing yang sedang belajar, bekerja, atau yang bermastautin di Malaysia dengan kelayakan minimum telah **setahun** belajar, bekerja, atau bermastautin di Malaysia. Bagi calon yang tidak mempunyai kelayakan minimum tersebut, mereka perlu menunjukkan perakuan bahawa mereka telah menguasai penggunaan Bahasa Melayu dengan baik.
4. Sukatan Pelajaran Peperiksaan SKBMW menetapkan peperiksaan SKBMW kepada **empat** komponen, iaitu komponen Kemahiran Menulis (kertas 600/1), komponen Kemahiran Membaca (kertas 600/2), komponen Kemahiran Mendengar (kertas 600/3), dan komponen Kemahiran Bertutur (kertas 600/4). Calon dikehendaki mengambil keempat-empat komponen ujian bagi kali pertama.
5. Kadar yuran peperiksaan per calon ditetapkan RM180.00 (untuk keempat-empat komponen), iaitu yuran asas sebanyak RM60.00 dan yuran setiap komponen sebanyak RM30.00.
6. Bagi pendaftaran kali pertama, calon mesti membeli Kit Pembelajaran (yang mengandungi buku Peraturan Am, Sukatan Peperiksaan, Skala Tahap Kecekapan, Format Ujian, dan Soalan Contoh, buku Panduan Menjawab ujian SKBMW, dan CD Rakaman Ujian Kemahiran Mendengar) yang harganya ditetapkan mengikut harga pasaran semasa. Untuk sesi September 2015 ditetapkan pada harga RM20.00.
7. Calon dibenarkan mengulang mana-mana komponen bagi membaiki keputusan. Calon yang mengulang dikehendaki membayar yuran asas sebanyak RM60.00 dan yuran bagi setiap kertas (komponen kemahiran) yang diulang RM30.00 setiap satu komponen kemahiran.

8. Pendaftaran calon untuk kohort pertama bagi peperiksaan SKBMW sesi September 2015 akan dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Pendaftar Akademik Universiti Awam dan Universiti Islam Antarabangsa. Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon bagi peperiksaan SKBMW sesi yang berikutnya boleh dirujuk pada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
9. Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan Am, Sukatan Peperiksaan, Sklala Tahap Kecekapan, Format Ujian, dan Soalan Contoh akan diedarkan ke semua Universiti Awam, Universiti Swasta, Kolej Universiti, Kolej, dan Institusi Pendidikan yang menawarkan tempat kepada pelajar antarabangsa dan mengambil staf dari negara luar, dan juga boleh didapati pada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

Nota: Naskhah tercetak dokumen pada para 9 hanya akan dibekalkan oleh MPM kepada semua Universiti Awam, Universiti Swasta, Kolej Universiti, Kolej, dan Institusi Pendidikan untuk tahun 2015 sahaja manakala pada tahun-tahun berikutnya pihak institusi berkaitan hendaklah memuat turun dan mencetaknya sendiri daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

Majlis Peperiksaan Malaysia
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

Telefon: 03-6126 1600
Faksimile: 03-61361488
E-mel: ceo@mpm.edu.my
Portal: www.mpm.edu.my